

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 APRIL 2016

Agihan projek Lebuhraya Pan Borneo secara adil

BH-25/4/2016

» Kerajaan mahu laluan tanpa tol manfaat rakyat, syarikat tempatan

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Suzianah Jiffar
bhnews@bh.com.my

► Papar

Pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo akan diagihkan secara adil kepada syarikat dari Sabah dan kerajaan mahu ia dikendalikan sepenuhnya pakar dalam kalangan anak tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kerajaan

juga mahu projek mega itu menggunakan khidmat jurutera dan arkitek tempatan, selain memberi manfaat kepada kontraktor kecil di Sabah.

“Sediakanlah juga peluang perniagaan kepada anak tempatan di sepanjang laluan seperti kawasan rehat dan rawat yang moden dan selesa. Jadi, masyarakat setempat dapat peluang berniaga dan menambah pendapatan.

Ikut masa ditetapkan

“Saya juga ingatkan (syarikat mendapat projek) buat betul-betul dan pastikan ia mengikut masa ditetapkan sebab ini (Lebuhraya Pan Borneo) janji kita kepada rakyat... kalau gagal... kita akan senarai hitam (syarikat),” katanya berucap melancarkan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah di Kampung Andus di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri Sabah, Da-

tuk Seri Musa Aman; Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan Menteri Kerjaraya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Pada majlis itu, Najib turut mengadakan persidangan video bersama rakyat di Tawau, Sandakan, Keningau dan Kudat sebagai simbolik pelancaran jajaran lebuhraya 1,236 kilometer itu.

Fasa satu lebuhraya itu membabitkan jajaran sejauh 706 kilometer dengan kos RM12.8 bilion dijangka siap sebelum akhir 2021.

Mengimbas permulaan cetus idea pelaksanaan projek lebuhraya itu, Perdana Menteri berkata, ia terkandung dalam Aku Janji Barisan Nasional (BN) dikeluarkan pada 13 April 2013 menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

“Janji itu saya lafazkan untuk membina 2,300 kilometer Lebuhraya Pan Borneo dari Sematan di Sarawak hingga Se-

rudong di Sabah. Hari ini, kita tepati janji itu kerana BN adalah kerajaan yang mempunyai visi dan pelan pembangunan untuk sosioekonomi rakyat bagi mentransformasikan bumi Sabah,” katanya.

Pembangunan terbesar

Perdana Menteri berkata, Lebuhraya Pan Borneo adalah projek ikonik yang bakal mencatat sejarah sebagai pembangunan terbesar dan paling berimpak tinggi kepada Sabah.

Katanya, projek mega tanpa tol itu amat signifikan dan luar biasa kerana akan memberi limpahan besar kepada Sabah dari segi sosio ekonomi, selain lonjakan pembangunan ke seluruh negeri.

Pada majlis itu, Najib turut mengumumkan jajaran baharu pesisir pantai bagi projek lebuhraya di Sabah menghubungkan Tuaran dan Kudat yang sebelum ini tidak tersenarai dalam Pan Borneo.